

16 OCT 2002

Abdullah-Puteri

ABDULLAH: PUTERI UMNO MAHU AZALINA MEMIMPIN

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengucapkan tahniah kepada Azalina Othman Said kerana kejayaannya memperolehi kesemua 165 pencalonan bahagian Puteri Umno untuk jawatan Ketua pergerakan itu.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata pencalonan itu mencerminkan kehendak anggota pergerakan itu sendiri yang mahu Azalina yang kini ketua penaja mereka, untuk terus memimpin pergerakan itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir yang berlepas untuk lawatan enam hari ke India, Pakistan dan Arab Saudi.

Semalam tiga bahagian terakhir Puteri yang mengadakan mesyuarat perwakilan, Marudu, Kapar dan Kuala Selangor, turut mencalonkan Azalina untuk jawatan itu yang menjadikan jumlah pencalonannya kepada 165.

Empat orang lagi yang telah menawarkan untuk bertanding bagi jawatan Ketua pergerakan itu -- Mastina Abdul Hamid, Raihan Sulaiman, Mazibah Mohd Zin dan Umi Hafilda Ali -- tidak memperolehi sebarang pencalonan.

Azalina yang turut berada di pangkalan itu, ketika ditemui pemberita menyatakan penghargaan kepada anggota Puteri Umno yang memberi kepercayaan kepadanya untuk memimpin pergerakan itu.

"Amat menggembirakan, sebab tak sangka boleh dapat 100 peratus," katanya.

Azalina juga berkata segala tuduhan yang dilemparkan kepadanya tidak akan melemahkan semangat beliau untuk meneruskan perjuangan Puteri Umno.

Mengenai pemilihan pergerakan itu pada 1 Nov ini, Azalina berharap lebih 600 anggota perwakilan akan memilih mereka yang boleh menjalankan tugas dan bertanggungjawab untuk menjadi pemimpin.

"Lakukanlah dalam suasana yang baik. Letakkan kepentingan parti dan Puteri Umno dulu," katanya.

Apabila ditanya sama ada beliau lebih selesa untuk bekerja dengan individu tertentu sebagai naibnya, Azalina berkata: "Yang penting dia boleh buat kerja, bertanggungjawab. Kalau nak glamor, nak pangkat, susahlah."

Bagi jawatan Naib Ketua Puteri, Setiausaha pergerakan Noriani Ahmad memperolehi 133 pencalonan, Ketua Puteri Pahang, Shahaniza Shamsuddin mendapat 19 dan Ketua Puteri Pulau Pinang Azlina Mehtab, 13.

Azalina berkata selepas pemilihan peringkat pusat, tumpuan Puteri Umno adalah untuk menghadapi pilihan raya umum.

-- BERNAMA

LES MFJ NMO